


Hikmah di Sebalik Falsafah Haji



Ibadat haji merupakan rukun Islam kelima yang wajib ditunaikan oleh setiap umat Islam yang berkemampuan dan cukup syaratnya. Dari segi bahasa, ibadat haji bermaksud mengerjakan atau menuju dan mengunjungi. Menurut istilah syarak, haji bermaksud menuju ke Baitullah dan tempat tertentu untuk melaksanakan amalan ibadat tertentu pada musim haji.

Berdasarkan catatan sirah, ibadat haji mula diwajibkan pada tahun keenam Hijrah kerana pada tahun tersebutlah turunnya wahyu Allah SWT seperti yang terdapat dalam *Surah al-Baqarah* ayat 196 yang bermaksud, “Dan tunaikanlah atau sempurnakanlah ibadat haji dan umrah kerana Allah.”

Setiap orang yang beriman pastinya mempunyai impian dan sentiasa berusaha untuk menjadi tetamu Allah SWT pada musim haji. Kemampuan mengerjakan ibadat haji bukan sekadar mempunyai jumlah perbelanjaan yang mencukupi, tetapi termasuk juga mempunyai kesihatan tubuh badan yang baik dan keamanan dalam perjalanan pergi dan balik ketika mengerjakan ibadat haji. Hal ini membuktikan bahawa memelihara nyawa merupakan tuntutan penting dalam maqasid syariah, termasuklah sewaktu ingin menunaikan ibadat haji. Firman Allah SWT dalam *Surah al-Haj* ayat 27 yang bermaksud, “Dan serulah umat manusia untuk mengerjakan ibadat haji, nescaya mereka akan datang kepadamu (ke rumah Tuhanmu) dengan berjalan kaki, dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus, yang

datangnya daripada pelbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh.”

Berdasarkan ayat ini, Syeikh al-Maraghi dalam kitabnya yang berjudul *Tafsir al-Maraghi* menyebutkan bahawa Allah SWT berfirman kepada Nabi Ibrahim a.s. dalam *Surah al-Haj* ayat 27 yang bermaksud, “Dan berserulah kepada manusia agar menunaikan ibadat haji dan menziarahi rumah yang kamu diperintahkan untuk membinanya. Nescaya mereka datang kepadamu dengan berjalan kaki ataupun berkenderaan unta walaupun menempuh perjalanan yang jauh.”

Namun begitu, pada masa ini para jemaah haji datang dari setiap pelosok negara di dunia menggunakan pelbagai kenderaan seperti kereta, motosikal, kapal terbang dan kapal laut. Semuanya atas matlamat yang satu, iaitu untuk melengkapkan rukun Islam yang kelima. Kesemuanya akan berniat di miqat yang telah ditetapkan mengikut lokasi perjalanan dari negara masing-masing untuk sampai ke tanah haram.

Hikmah Tersirat dan Tersurat di Sebalik Ibadat Haji

Terdapat pelbagai hikmah di sebalik pensyariatan ibadat haji. Tanpa disedari, ibadat haji merupakan kaedah penyucian dan ketenangan diri yang mengandungi manfaat dari segi jasmani dan rohani. Tidak mungkin seseorang yang melakukan ibadat haji tidak merasai nikmat ketenteraman dan ketenangan kerana dia menjadi tetamu Allah SWT yang menguasai alam semesta ini. Orang yang berazam untuk menunaikan ibadat haji pada kebiasaannya akan melakukan tabungan dan simpanan bagi membolehkan mereka terpilih sebagai tetamu Allah. Di Malaysia, kita bersyukur kerana mempunyai sebuah institusi yang mengurus jemaah haji dan telah mendapat pengiktirafan dunia dalam hal ehwal pengurusan ibadat haji, iaitu Lembaga Tabung Haji.

Sejarah Penubuhan Lembaga Tabung Haji

Sebelum wujudnya Tabung Haji sebagai satu daripada institusi kewangan yang bertanggungjawab

Ibadat haji bukan sahaja mendidik manusia untuk mentaati perintah Allah SWT, malah sebagai manifestasi ujian sama ada seseorang itu sanggup berkorban ataupun tidak untuk menjadi tetamu Allah.

mengendalikan pengurusan ibadat haji di negara ini, kebanyakan masyarakat membuat simpanan kewangan mereka bagi menunaikan ibadat haji secara tradisional seperti simpanan di bawah bantal dan tikar mengkuang, di dalam tempayan dan beberapa bahagian rumah yang tersorok. Bagi mereka, itulah cara yang terbaik untuk memastikan duit mereka disimpan

dalam keadaan selamat. Walaupun pada ketika itu sudah wujud beberapa buah bank di Malaysia, umat Islam tidak mahu menyimpan duit mereka di bank konvensional untuk tujuan mengerjakan haji kerana ingin memastikan wang simpanan mereka bebas daripada sebarang unsur riba yang diharamkan oleh syarak.

Bermula dengan idea dan kajian yang dijalankan oleh Almarhum Yang Mulia Profesor Diraja Dr. Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid pada sekitar tahun 1950-an tentang isu kemiskinan dan kaedah penyimpanan bagi mengerjakan ibadat haji, beliau lantas menyediakan satu kertas kerja yang bertajuk “Rancangan Peningkatan Ekonomi Jemaah Haji” kepada pihak kerajaan pada tahun 1959. Menariknya,



Ibadat haji dapat memupuk rasa persamaan taraf antara jemaah haji.

pihak kerajaan pada ketika itu memberikan maklum balas yang positif terhadap usaha tersebut, malah usaha tokoh ekonomi ternama ini juga mendapat pujian daripada Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj yang merupakan Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu.

Tabung Haji yang ditubuhkan pada tahun 1969 pada awalnya dikenali sebagai Lembaga Urusan dan Tabung Haji bukan sahaja mengendalikan pengurusan ibadat haji, namun juga diberikan tanggungjawab oleh kerajaan untuk mengurus pelbagai kemudahan demi kebajikan jemaah haji negara secara komprehensif dan sistematik. Antaranya termasuklah pengurusan simpanan yang terbaik serta halal, selain aktiviti pelaburan bagi tujuan memberikan nilai tambah kepada pengurusan haji dan pembayaran hibah kepada para pendeposit tetap di Tabung Haji.

Oleh itu, secara tidak langsung umat Islam dituntut untuk berjimat cermat dan tidak melakukan pembaziran sebagaimana yang diamalkan oleh Rasulullah SAW serta berpegang dengan apa-apa yang terkandung dalam al-Quran dan sunah sebagaimana yang terdapat dalam hadis Baginda SAW yang bermaksud, “Wahai sekalian manusia, sesungguhnya aku telah tinggalkan buat kamu (dua perkara) selagi kamu berpegang dengannya, maka kamu tidak akan sesat selama-lamanya, iaitu kitab Allah dan sunah nabi-Nya.”


Kemampuan dalam Ibadat Haji

Antara aspek kemampuan mengerjakan ibadat haji termasuklah kemampuan dari sudut kesihatan tubuh badan dan akal fikiran, kewangan dan keamanan untuk mengerjakan ibadat haji. Tidak hairanlah pelbagai manasik haji memerlukan stamina dan kecergasan yang tinggi dan sempurna seperti tawaf, sai, berjalan ke masjid dan tempat wajib haji, melontar jamrah dan ziarah. Oleh itu, pakar perubatan menyatakan bahawa manasik haji mengandungi kesepaduan unsur tekanan fizikal dan mental yang sempurna. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap jemaah haji dituntut agar bergerak dengan aktif dari satu tempat ke tempat yang lain. Oleh itu, aktiviti berjalan merupakan kaedah yang baik khususnya untuk orang yang telah berusia kerana aktiviti tersebut memberikan kebaikan dari sudut kesihatan seperti menambahkan oksigen, mengurangkan kadar kolesterol dalam darah dan mengurangkan risiko terhadap penyakit jantung.

Seterusnya, orang yang berazam untuk menunaikan ibadat haji juga akan menjaga nafsu syahwat daripada melakukan perkara yang boleh mendatangkan dosa dan maksiat kerana ibadat haji merupakan ibadat yang mulia dan dilaksanakan di tempat yang mulia, malah antara tanda seseorang mendapat haji yang mabrur termasuklah dirinya berubah dan sentiasa beristiqamah dengan kebaikan setelah mengerjakan



INFO Haji merupakan rukun Islam yang kelima.



Fakta Haji Malaysia 2024

Jumlah Jemaah Haji Malaysia:


31 600
 orang
Pecahan Jemaah

Lelaki:


42 peratus

Wanita:


58 peratus
Pecahan Umur

> 60 Tahun:

36 peratus

< 60 Tahun:

64 peratus

ibadat haji dan sentiasa menjaga kemabruran haji sepanjang hayatnya. Firman Allah SWT dalam *Surah al-An'am* ayat 56 yang bermaksud, "Katakanlah (wahai Muhammad): 'Sesungguhnya aku dilarang menyembah mereka yang kamu sembah selain Allah.' Katakanlah lagi: 'Aku tidak akan menurut hawa nafsu kamu, kerana kalau aku turuti, sesungguhnya sesatlah aku dan tiadalah aku daripada orang yang mendapat hidayah dan petunjuk.'"

Di samping

keinginan untuk menunaikan ibadat haji, umat Islam juga hendaklah berazam untuk mengubah diri kepada yang lebih baik dan menjadi umat yang dimuliakan oleh Allah SWT. Hal ini penting agar sewaktu menunaikan haji, mereka dapat menjaga pantang larang terutamanya sewaktu berhram dan melatih diri agar bersabar dalam apa-apa juga ujian dan halangan yang menanti untuk memperoleh haji yang mabrur.

Seterusnya, berdasarkan kitab *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, Dr. Wahbah al-Zuhaili menyatakan bahawa terdapat pelbagai faedah bagi seseorang yang menunaikan haji, antaranya termasuklah menyucikan dosa dan membersihkan jiwa daripada perbuatan maksiat. Selain itu, seseorang akan terdidik untuk

sentiasa bersikap husnuzan (bersangka baik dengan Allah SWT) dan meningkatkan iman serta keyakinan yang tinggi kepada Maha Pemberi Rezeki. Bukan itu sahaja, manusia juga akan terdidik untuk menzahirkan kesyukuran atas pelbagai kurniaan daripada Allah SWT seperti nikmat harta, kesihatan, ilmu, ukhuwah, iman, takwa, tauhid dan akal.

Ibadat haji juga akan melahirkan perasaan setaraf dan sama kedudukan sifat kemanusiaan di hadapan Allah SWT. Hal ini diterjemahkan melalui pakaian ihram berwarna putih yang sama seperti jemaah haji yang lain, slogan talbiah yang sama, menuju ke tempat yang sama, mengadap kiblat yang sama, solat pada waktu yang sama, berjemaah dengan imam yang satu, tawaf dan sai di tempat yang sama, wukuf pada hari, waktu dan tempat yang serentak, melontar ke jamrah yang sama dengan bilangan batu yang sama, dan peraturan yang sama bagi memperoleh haji yang mabrur.

Amatlah besar ganjaran bagi orang yang menunaikan haji dan memperoleh haji yang mabrur. Dalam sebuah hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim, daripada Abu Hurairah r.a., Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Ibadat umrah ke umrah berikutnya ialah kafarah (penghapusan dosa) antara kedua-duanya. Dan haji yang mabrur tiada balasan (bagi pelakunya) melainkan syurga."

Ibadat haji bukan sahaja mendidik manusia untuk mentaati perintah Allah SWT, malah sebagai manifestasi ujian sama ada seseorang itu sanggup berkorban ataupun tidak untuk menjadi tetamu Allah. Ingatlah, amat besar dosa yang dipikul oleh seseorang yang sudah berkemampuan dan cukup syaratnya, namun tidak mahu menunaikan haji dengan sengaja. Hayati firman Allah SWT dalam *Surah al-Haj* ayat 28 berkenaan dengan tujuan ibadat haji buat umat manusia yang bermaksud, "Supaya mereka menyaksikan pelbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu." ^{Q1}

Kalimatullah

Allah SWT berfirman yang bermaksud,

"Dan menjadi kewajiban bagi manusia terhadap Allah untuk mengunjungi rumah itu bagi yang sanggup berjalan antara mereka. Dan barang siapa yang mengingkarinya, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak memerlukan sesuatu) daripada sekalian alam."

(Surah Ali 'Imran 3:97).